

Jamu selera pelbagai juadah dekat Stesen MRT Semantan

KUALA LUMPUR - Peniaga trak makanan dan gerai berdekatan Stesen Transit Aliran Massa (MRT) Semantan di sini gembira apabila pelanggan mereka bertambah selepas sistem pengangkutan moden itu bagi laluan Sungai Buloh-Kajang beroperasi sepenuhnya sejak 17 Julai lalu.

Seorang peniaga trak makanan Drinka, Amir Akmal, 31, ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini berkata, dia mula berniaga pelbagai jenis minuman sejak Julai tahun lalu di Jalan Dungun berdekatan stesen tersebut.

"Selepas MRT beroperasi, trak makanan saya semakin mendapat sambutan daripada pelanggan termasuk pengguna sistem pengangkutan baharu ini.

"Semakin ramai pelanggan juga mula menyedari kualiti kopi



segar yang kami hasilkan dan mereka tidak akan melepaskan peluang untuk mendapatkannya apabila melalui Stesen MRT Semantan," katanya.

Antara minuman yang dijual Amir ialah *salted black coffee*, *premium chocolate*, *uji matcha latte* dan *americano* yang boleh didapati pada harga antara RM5 hingga RM12.

Di kawasan itu juga, pengguna Stesen MRT Semantan boleh menikmati pelbagai hidangan tengah hari di gerai-gerai makanan.

Seorang pelanggan, Nur Haslina Md. Noor, 35, berkata, kedudukan gerai serta trak makanan yang berhampiran dengan

INFO

Perniagaan trak makanan dan gerai

Lokasi: Jalan Dungun kira-kira 10 hingga 20 meter dari Stesen MRT Semantan

Bilangan: Terdapat kira-kira 50 buah trak makanan dan gerai

Waktu operasi: Bermula pukul 12 tengah hari sehingga 3 petang setiap hari.

Tarikan: Pelbagai pilihan makanan berlauk, bergoreng dan minuman

stesen itu memudahkan pelanggan untuk menjamu selera.

"Terdapat pelbagai juadah di sini dan pengguna MRT boleh mencuba sendiri memandangkan mereka hanya perlu berjalan kaki sejauh kira-kira 10 meter ke Jalan Dungun dari Stesen MRT Semantan," ujarnya.



AMIR (kanan) melayan pelanggannya yang singgah di trak makanannya di Jalan Dungun berdekatan Stesen MRT Semantan, Kuala Lumpur baru-baru ini.